

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL PERTAMA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN**

**DARIPADA : PUAN MARIA CHIN BINTI ABDULLAH  
[ PETALING JAYA ]**

**SOALAN NO. 267**

Minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan:-

- (a) senarai bangunan-bangunan strata di Petaling Jaya, Selangor dan peringkat Kebangsaan yang tidak mempunyai badan pengurusan yang efektif; dan
- (b) menjelaskan langkah Kerajaan untuk memperbaiki prasarana di bangunan tersebut.

**JAWAPAN**

Yang di-Pertua,

**Soalan (a)**

1. Untuk makluman Yang Berhormat, buat masa ini Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) hanya mempunyai data bilangan badan pengurusan *Joint Management Body / Management Corporation (JMB / MC)* di Petaling Jaya, Selangor dan di seluruh Semenanjung (kecuali Sabah dan Sarawak).
2. Bagi memastikan semua maklumat mengenai skim strata dapat diselaraskan, KPKT sedang membangunkan sistem *Commissioner Of Building (eCOB)*. Sistem ini akan dibangunkan dalam 2 fasa yang melibatkan pembangunan portal dan sistem. Pada masa ini, prototaip portal telah disedia dan dibincangkan bersama dengan COB di Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) pada 27 Februari 2019. KPKT sedang menambah baik portal tersebut berdasarkan maklum balas yang diterima.
3. Bilangan Kawasan Pemajuan dan Jenis Badan Pengurusan Bangunan Berstrata Yang Ditubuhkan di Petaling Jaya, Selangor dan di peringkat Kebangsaan adalah seperti berikut:

**(i) PETALING JAYA**

a)	Jumlah Skim Strata	:	833 skim
b)	JMB	:	260
c)	MC	:	306

**(ii) Selangor**

a)	Jumlah Skim Strata	:	7,979 skim
b)	JMB	:	1,413
c)	MC	:	970

**(iii) Seluruh Semenanjung (Kecuali Sabah Dan Sarawak)**

a)	Jumlah Skim Strata	:	20,441 skim
b)	JMB	:	3,075
c)	MC	:	6,067

**Data Sehingga 31.12.2017 (Laporan Tahunan COB PBT)**

**Soalan (b)**

1. Untuk makluman Yang Berhormat, bagi tujuan pembaikan prasarana di skim pembangunan berstrata, KPKT telah melaksanakan Tabung Penyelenggaraan Perumahan Malaysia (TPPM). TPPM adalah sebuah program membaik pulih perumahan berstrata kos rendah dan sederhana rendah swasta di seluruh negara untuk meningkatkan kualiti hidup penghuni perumahan berstrata. JMB / MC boleh memohon kepada KPKT untuk mendapatkan peruntukan baik pulih tersebut. Keutamaan projek TPPM adalah bagi skop kerja yang melibatkan keselamatan penghuni perumahan tersebut seperti pendawaian elektrik, penggantian *handrail*, susur tangga dan bumbung.

Sekian, terima kasih.